

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**APLIKASI FIQH KEUTAMAAN  
DALAM PERANCANGAN STRATEGI  
DAKWAH MAJLIS ISLAM  
SARAWAK**

**HASFA BAKHRY BIN HASSAN**

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat  
keperluan Untuk Ijazah  
**Sarjana**

**Akademi Pengajian Islam Kontemporari**

**Februari 2019**

## **ABSTRAK**

Perancangan yang teliti merupakan salah satu perkara yang perlu diambil kira sebagai asas yang paling utama dalam melakukan apa-apa perancangan yang memerlukan kejayaan atau hasil akhir yang memuaskan. Sama ada perancangan berskala besar mahupun berskala kecil, ianya tetap memerlukan perancangan yang baik. Majlis Islam Sarawak (MIS) merupakan suatu badan yang bertanggungjawab dalam hal ehwal Islam di negeri Sarawak. Segala perlaksanaan yang berkaitan dengan hal ehwal Islam yang melibatkan masyarakat di Sarawak adalah dibawah pengawasan Majlis Islam Sarawak. Jabatan yang melaksanakan segala segala perancangan adalah Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS) yang berada dibawah MIS. Pemilihan kawasan Betong adalah kerana kawasan tersebut agak jauh daripada kawasan bandar-bandar besar serta di duduki oleh majoriti masyarakat Islam namun kawasan tersebut penuh dengan masalah sosial yang melibatkan masyarakat Islam. Kajian ini di buat adalah kerana untuk melihat sejauh mana keberkesanan strategi dakwah yang dibuat oleh MIS serta adakah kaedah bedasarkan fiqh keutamaan dimasukkan dalam perancangan tersebut. Kajian ini hanya melibatkan kampung-kampung di Kabong, Beladin dan Pusa yang mewakili lebih daripada separuh penduduk Islam di bahagian Betong. Kajian menggunakan kaedah data kualitatif berdasarkan fakta, maklumat, pernyataan, tanggapan, ciri-ciri dan observasi. pengumpulan data juga adalah melalui temuramah kepada calon-calon yang berautoriti terhadap masyarakat di kawasan kajian. Pengkaji cuba mencari punca permasalahan serta memberikan cadangan kaedah penyelesaian berdasarkan kajian yang dilakukan. Kajian ini turut meneliti perancangan strategi yang dilakukan oleh Majlis Islam Sarawak dalam usaha mereka memartabatkan Islam di Sarawak. Pelan Tindakan Majlis Islam Sarawak (PTMIS) 2011-2020 adalah suatu usaha yang dilakukan oleh Majlis Islam Sarawak hasil daripada resolusi Kongres Islam Sarawak 1430H / 2009M yang diadakan pada 14 – 16 Safar 1430H bersamaan dengan 10-12 Februari 2009 serta Muktamar Masjid-Masjid Negeri Sarawak 1430H / 2009M yang diadakan pada 20 – 22 Syaaban 1430H bersamaan dengan 11 – 13 Ogos 2009M. Hasil yang di dapati dapat digambarkan bahawa keperluan Fiqh Keutamaan dalam melaksanakan strategi yang teratur merupakan sesuatu yang amat diperlukan bagi mendapatkan hasil akhir yang terbaik serta perancangan yang dilakukan tidaklah merupakan sesuatu usaha yang tidak mendatangkan hasil yang dijangkakan.

## PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim, Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Selawat serta salam kepada junjungan besar baginda nabi Muhammad *Salallahu Alaihi Wassalam* serta keluarga dan juga para sahabat *ridwanullahu ta'ala* serta para *muqarrabin* dan *solihin*.

Alhamdulillah, segala pujian bagi Allah S.W.T dipanjangkan segala doa dan harapan kerana dengan rahmat, inayah serta limapahan kurnianya dapatlah penulis menyiapkan tesis ini yang cukup bermakna ini sebagai hadiah penulis kepada bidang keilmuan yang ada di Sarawak khususnya. Penulis berharap agar tesis ini sedikit sebanyak akan menyumbangkan sesuatu kepada dunia dakwah islamiah di bumi bertuah ini.

Pada kesempatan ini penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Penyelia tesis yang tidak pernah jemu dalam melayan karenah serta tunjuk ajar dalam menyiapkan tesis ini iaitu Hajjah Sharifah Anom binti Omar selaku penyelia utama serta Prof. Madya Dr. Mohd Dani bin Muhammad, penyelaras program ACIS di UiTM Shah Alam yang turut sama banyak membantu. Kepada ketua IPSIS UiTM kampus Samarahan Dr Thalany Kamri dan juga mantan Ketua Penyelaras IPSIS Prof Madya Dr. Corina Joseph yang banyak membantu penulis. Penulis juga tidak lupa dengan sahabat-sahabat di JAKIM Sarawak yang turut memberikan sokongan.

Kesempatan ini juga, penulis tidak pernah akan lupakan jasa kedua ibubapa penulis dan keluarga yang sentiasa memberikan dorongan serta doa yang tidak pernah putus agar penulis berjaya. Juga kepada isteri penulis yang tercinta, Siti Munawwaroh Hj Juaini yang tidak pernah jemu memberikan sokongan moral serta anak-anak yang menjadi sumber inspirasi penulis.

Akhir sekali, penulis ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang membantu dalam menyiapkan tesis ini sama ada yang terlibat secara langsung ataupun tidak. Semoga tesis ini akan memberi manfaat yang besar kepada masyarakat di Sarawak.

## ISI KANDUNGAN

	Halaman
<b>PENGESAHAN PANEL PEMERIKSA</b>	ii
<b>DEKLARASI PENULIS</b>	iii
<b>ABSTRAK</b>	iv
<b>PENGHARGAAN</b>	v
<b>SENARAI JADUAL</b>	x
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xi
<b>BAB SATU – PENGENALAN</b>	<b>1</b>
1.0    Pengenalan	1
1.1    Latarbelakang Kajian	2
1.2    Penyataan Masalah Kajian	4
1.3    Persoalan Kajian	6
1.4    Objektif Kajian	7
1.5    Skop Kajian	7
1.6    Kepentingan Kajian	8
1.7    Metodologi Kajian	8
1.7.1    Pemilihan Kawasan Kajian	9
1.7.2    Kaedah Pengumpulan Data	10
1.9    Teknik Analisa Data	13
1.10    Garis Kasar Laporan Kajian	14
1.12    Sorotan Literatur	16
1.12    Kesimpulan	27
<b>BAB DUA - PERANCANGAN STRATEGI DAKWAH MAJLIS ISLAM SARAWAK BAGI MENANGANI MASALAH SOSIAL DALAM MASYARAKAT DI SARAWAK</b>	<b>28</b>
2.0    Pengenalan	28
2.1    Analisa Masalah Sosial Masyarakat Islam Di Perkampungan Melayu Betong	29
2.2    Statistik Jenayah serta Kesalahan Syariah Di Perkampungan	

## **BAB SATU**

### **PENGENALAN**

#### **1.0 Pendahuluan**

Sarawak merupakan negeri terbesar di Malaysia. Keberadaan Sarawak sebagai salah satu daripada Persekutuan Malaysia memberikan banyak sebab kenapa ianya amat penting sama ada dalam sosio politik, agama dan sumber daya alam sebagai pendapatan kepada Malaysia. Walaupun Sarawak merupakan sebahagian dari Persekutuan Malaysia, namun agama Islam bukanlah menjadi agama rasmi negeri. Oleh itu, menjadi cita-cita setiap penduduk Islam Sarawak untuk menjadikan Islam sebagai agama utama dalam pemerintahan. Ini kerana tanggungjawab sebagai khalifah yang ditaklifkan kepada kita seharusnya dilaksanakan sebagaimana diperintahkannya. Firman Allah S.W.T;

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً

Maksudnya ;

“Dan ingatlah ketika tuhanmu berfirman kepada malaikat, sesungguhnya aku hendak menjadikan seorang Khalifah dimuka bumi...”. (al-Baqarah:30)

Dalam usaha ke arah itu, perancangan serta strategi perlu dirancang bagi perlaksanaan itu bersesuaian dengan apa yang dicita-citakan. Hal ini disebut oleh Allah S.W.T dalam firmannya;

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الَّذِينَ يُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِهِ صَفَّاً كَأَنَّهُمْ بُنْيَانٌ مَرْصُوصٌ

Maksudnya :

“Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berperang untuk membela agamanya dalam barisan yang teratur rapi, seolah-olah mereka sebuah bangunan yang tersusun kukuh”. (al-Saff: 4)